

Pengeksport minyak sawit ditambah

BH - 8 AUG 2000

Oleh Badrila Jamlus dan Zulkoffi Jamaludin

KEMENTERIAN Perusahaan Utama bercadang menambah bilangan pengeksport minyak sawit mentah (MSM) tanpa dikenakan cukai tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata pihaknya sudah menghantar cadangan berhubung perkara itu kepada Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin untuk dipertimbangkan termasuk meluluskan jumlah MSM yang boleh dieksport.

Beliau turut meminta Kementerian Kewangan memberikan kuasa kepadanya untuk menentu dan melantik sendiri syarikat yang akan diberikan konsesi untuk mengeksport bahan itu.

Tahun lalu, Malaysia melalui Kementerian Kewangan melantik empat syarikat tempatan, mengeksport 400,000 tan metrik MSM ke luar negara tanpa dikenakan duti eksport sebagai strategi kerajaan untuk mengurangkan lambakan stok di negara ini yang menyebabkan berlakunya penurunan harga minyak sawit.

"Bagaimanapun, empat syarikat yang dilantik itu gagal memenuhi jumlah sasaran eksport yang dibenarkan kerana ada beberapa syarikat ini tidak mampu menepati jumlah yang ditetapkan," katanya selepas merasmikan Persidangan Kongres Sedunia Kesatuan Antarabangsa

Tahun lalu Kementerian Kewangan melantik empat syarikat tempatan, mengeksport 400,000 tan metrik MSM ke luar negara tanpa dikenakan duti eksport sebagai strategi mengurangkan lambakan stok di negara ini yang menyebabkan penurunan harga minyak sawit.

bagi Pertubuhan Perhutanan (IUFRO) ke-21, di Kuala Lumpur, semalam.

Dr Lim mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan persidangan selama lima hari yang julung-julung kali diadakan di Malaysia.

Ditanya mengenai jumlah pengeksport yang akan terbabit, beliau berkata, jumlahnya belum ditentukan dan ia mungkin lebih daripada empat.

"Mungkin enam, tujuh atau lapan syarikat tetapi kita akan tahu jumlah itu apabila mendapat maklum balas daripada Kementerian Kewangan kelak.

"Bagaimanapun kita tidak akan membuka kepada semua syarikat di negara ini kerana ia bukannya satu keutamaan tetapi pembabitan syarikat itu adalah sebagai strategi pasaran untuk mengurangkan lambakan stok dalam negara," katanya.

Dr Lim berkata, syarikat terbabit akan digabungkan

untuk membentuk sebuah konsortium dan mungkin syarikat yang memiliki loji penapisan minyak di Sabah dan Sarawak akan turut menyertainya.

Selain itu, beliau berkata, Malaysia juga perlu menghalusi dasarnya mengenai cukai eksport MSM kerana negara kemungkinan mengalami kerugian dari segi penguasaan pasaran di peringkat sejagat.

Malaysia adalah antara pengeluar terbesar minyak sawit dengan keupayaan pengeluaran sebanyak 10.5 juta tan metrik MSM tahun lalu.

Pengeluaran MSM bagi tempoh lima bulan pertama tahun ini melebihi jumlah yang dikeluarkan dalam tempoh sama tahun lalu iaitu sebanyak 150,000 tan metrik.

Bagi tempoh antara Januari hingga Jun 2000, harga minyak sawit berlejar di sekitar RM1,050 kepada RM1,200 satu tan berbanding RM1,473 satu tan pada 1999.